

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status dan kedudukan pembinaan MRSM di Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

MRSM Dungun telah diluluskan di bawah RP4 tahun 2019 di bawah RMKe-11 dengan kos projek berjumlah RM130 juta.

Status terkini MRSM Dungun adalah dalam proses memuktamadkan perolehan tender di bawah bidang kuasa pihak MOF. Sehingga 03 Nov 2020, pihak MOF masih belum bersidang kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang masih berlangsung. Tarikh mesyuarat akan dimuktamadkan oleh MOF selepas PKPB berakhir.